

Dua kesalahan utama bank punca jenayah wang haram berleluasa

Eksklusif

BNM dedah institusi kewangan gagal jalankan CDD, saringan sekatan pelanggan dorong kegiatan sindiket

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia (BNM) mengesan sekurang-kurangnya dua kesalahan utama yang sering dilakukan institusi kewangan negara sehingga menyebabkan kegiatan jenayah wang haram dan pembiayaan keganasan semakin terdedah dan berleluasa di negara ini.

Kesalahan itu adalah berkaitan kegagalan institusi kewangan menjalankan penilaian wajar terhadap pelanggan (*customer due diligence* - CDD) dan kegagalan menjalankan saringan sekatan (*sanctions screening*) pada saat penerimaan pelanggan.

Kedua-dua langkah ini harus dilakukan institusi kewangan yang dinamakan BNM sebagai institusi pelapor supaya penilaian risiko berkaitan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT) tidak berlaku atau mungkin ditimbulkan oleh pelanggan kepada perniagaan atau organisasi.

"Tindakan itu penting untuk memastikan agensi penguatkuasa undang-undang dapat segera menjalankan penyiasatan, terutama ke atas orang berkepentingan atau sesiapa sahaja yang berkaitan dengan mereka," kata

BNM kepada BH, baru-baru ini. Kenyataan bank pusat itu adalah bagi menjelaskan beberapa laporan akhbar ini yang mendedahkan mengenai taktik serta modus operandi penjenayah rentas sempadan dan penipuan dalam talian.


Antaranya pada Oktober lalu, BH mendedahkan penjenayah kewangan dikesan menggunakan beberapa taktik antaranya pemberian derma kepada badan amal, menyembunyi kekayaan atas nama proksi dan pembiayaan politik untuk mengaburi pihak berkuasa.

Jenayah itu dikesan membatikan jumlah kewangan yang amat besar dan digunakan untuk menjana kekayaan serta pendapatan yang lebih tinggi.

Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Azam Baki, mendedahkan modus operandi jenayah itu menjadi semakin hebat, selari perkembangan semasa dunia.

Katanya, dalam beroperasi secara sindiket dengan menjana keuntungan hasil daripada pengubahan wang haram, iaitu melalui syarikat berdaftar atas nama proksi untuk menyembunyi kekayaan mereka.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Datuk, Seri Ramli Mohamed Yoosuf juga berkata, Bukit Aman mengesan banyak sindiket jenayah 'mencuci' wang haram menggunakan sistem *layering* atau lapisan transaksi dengan mendaftar syarikat



mengikuti prosedur ditetapkan, namun sebenarnya tiada langsung aktiviti perniagaan.

Beliau berkata, sindiket biasanya menubuhkan syarikat yang kononnya bagi menjalankan perniagaan sah, tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Tiga modus operandi utama

Awal tahun ini, akhbar ini mendedahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengesan tiga modus operandi utama digunakan peniaga bagi melakukan aktiviti jenayah pengubahan wang haram.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa

KPDN, Datuk Azman Adam, berkata selain memasukkan hasil haram ke dalam akaun perniagaan atau individu yang dicampur aduk dengan hasil perniagaan sah, mereka dikesan memasukkan wang haram ke dalam akaun perniagaan atau individu lain, mewujudkan *shell company*, membeli aset atau membuat pelaburan, membayar pinjaman, insurans dan lain-lain secara berstruktur.

Menurut BNM, CDD ialah proses untuk mengenal pasti dan mengesahkan identiti pelanggan di institusi pelapor dan mereka haruslah berpuas hati bahawa pelanggan adalah seperti yang mereka katakan.

Ia termasuk identiti pelanggan, identiti pemilik benefisial atau orang di sebalik transaksi; identiti orang yang menjalankan transaksi sekiranya transaksi itu dilakukan bagi pihak orang lain atau wakil yang dilantik oleh orang yang sah; serta tujuan urusan itu dilakukan.

Sanctions screening pula terpakai kepada setiap warganegara Malaysia dan setiap badan korporat di Malaysia.

"Ia juga hendaklah dilakukan ke atas mana-mana individu yang menjalankan urusan niaga 'kewajipan berkanun' seperti caruman kepada badan berkanun seperti Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) dan Lembaga Hasil dalam Negara (LHDN)," katanya.

BNM juga menekankan pentingnya institusi pelapor mewujudkan prosedur saringan kakitangan (*employee screening procedures*), latihan dan kesedaran yang mesti dipatuhi di bawah program pematuhan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT).

"BNM sebagai pihak berkuasa berwibawa (*competent authority*) di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) berperanan untuk mencegah pembabitatan institusi pelapor dalam memudahkan cara kegiatan jenayah melalui penguatkuasaan, penyeliaan dan pematuan secara berkala bagi memastikan garis panduan AML/CFT.

"Sebarang pelanggaran undang-undang oleh institusi pelapor atau mana-mana entiti akan dikenakan tindakan yang wajar, adil dan saksama, termasuk langkah pembetulan bagi memperbaiki kawalan pematuan atau tindakan punitif yang bertujuan memberikan pengajaran," katanya.

Sejak pelaksanaan rangka kerja penguatkuasaan dan penalti pada 2014, bank pusat itu sudah mengambil 74 tindakan, termasuk tindakan punitif dan langkah pembetulan bagi kesalahan pematuan obligasi atau sebagai langkah pencegahan di bawah AMLA.

